

150 peserta didedahkan dengan aktiviti penghijauan landskap sekolah

BINTULU: Seramai 150 peserta terdiri daripada pelajar Diploma Perhutanan dan pensyarah Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB), guru serta murid sekolah rendah didedahkan aktiviti penghijauan landskap sekolah dengan penanaman pokok di bangunan baharu Sekolah Kebangsaan (SK) Rancangan Sepupok, Niah, Miri baru-baru ini.

Aktiviti itu khusus untuk mewujudkan persekitaran hijau di kawasan sekolah itu dan turut diadakan ialah

demonstrasi pembuatan kompos daripada sisa makanan dan bahan organik seperti daun kering serta rumput termasuk perkongsian ilmu praktikal tentang pengurusan sisa dan pemuliharaan sumber.

Program dinamakan SeRancak Green Environment For A Greener Future 2024 pada 10 dan 11 Oktober itu turut disertai Pensyarah Kursus Ekologi Hutan Dr Ahmad Mustapha Mohamad Pazi.

Katanya, program melalui kaedah 'Service-Learning Malaysia University for

Society' (SULAM) dan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) itu berjaya dilaksanakan di sekolah tersebut.

"Program ini merupakan kesinambungan sambutan Hari Flora dan Fauna lepas dengan tahun ini SK Rancangan Sepupok bersama UPMKB terlibat sama menjayakan Program Hari Alam Sekitar sempena Minggu STEM sekolah tersebut," katanya.

Beliau berkata, aktiviti lain turut diadakan untuk meme-

riahkan program ialah senam-robbik bersama pasukan SeRancak FC, sukaneka dan acara Malam Kebudayaan SeRancak Green Environment.

Beliau turut menyampaikan ceramah mengenai kepentingan biodiversiti dan alam sekitar kepada para pelajar dan warga SK Rancangan Sepupok.

"Program ini juga untuk meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan alam sekitar dan untuk memupuk minat pelajar sekolah dalam bidang STEM," katanya.



KESEDARAN: Dr Ahmad menyampaikan ceramahnya kepada murid dan guru SK Rancangan Sepupok Niah serta pelajar UPMKB.